

BAB KETIGA

TANAH

## BAB KETIGA

### 3.1 Pendahuluan.

Di dalam ilmu ekonomi, tanah adalah satu dari beberapa faktor pengeluaran yang terpenting. Ia adalah satu pemberian Allah yang amat berharga bagi kehidupan manusia. Di atas tanah manusia berpijak dan mengembara, dari tanah pula manusia bekerja dan mengungut hasil. Nilai tanah yang asasi ialah ia bahan yang boleh membebuh dan menghasilkan bahan-bahan keperluan fizikal manusia seperti biji-bijian, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Oleh itu Allah mengingatkan manusia supaya jangan membuat pencemaran dan kerosakan ke atas tanah. Firman Allah:

لَا تُنْسِدُوا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya;

Jangan kamu membuat kerusakan di atas mukabumi ini. (1)

Firman Allah lagi:

كُلُوا وَاسْتَرْبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْثُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya;

.... makan dan minumlah rezeki Allah dan jangan kamu merosakkan muka bumi ini. (2)

Pemakmur dan pembangunan dunia ini bergantung kepada tenaga manusia. Bumi yang subur ini tidak lebih dari satu faktor pengeluaran yang tidak akan mengeluarkan sesuatu yang diperlukan untuk kehidupan manusia kecuali digabungkan dengan faktor-faktor lain

## BAB KETIGA

### 3.1 Pendahuluan.

Di dalam ilmu ekonomi, tanah adalah satu dari beberapa faktor pengeluaran yang terpenting. Ia adalah satu pemberian Allah yang amat berharga bagi kehidupan manusia. Di atas tanah manusia berpijak dan mengembara, dari tanah pula manusia bekerja dan mengungut hasil. Nilai tanah yang asasi ialah ia bahan yang boleh membui dan menghasilkan bahan-bahan keperluan fizikal manusia seperti biji-bijian, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Oleh itu Allah mengingatkan manusia supaya jangan membuat pencemaran dan kerosakan ke atas tanah. Firman Allah:

لَا تَنْسِدُوا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya;

Jangan kamu membuat kerusakan di atas mukabumi ini. (1)

Firman Allah lagi:

كُلُوا وَاسْتَرْبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْنُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya;

.... makan dan minumlah rezeki Allah dan jangan kamu merosakkan muka bumi ini. (2)

Pemakmuran dan pembangunan dunia ini bergantung kepada tenaga manusia. Bumi yang subur ini tidak lebih dari satu faktor pengeluaran yang tidak akan mengeluarkan sesuatu yang diperlukan untuk kehidupan manusia kecuali digabungkan dengan faktor-faktor lain

seperti buruh, pengurusan dan teknologi.Oleh itu jelaslah bahawa tanah merupakan salah satu daripada faktor pengeluaran yang penting di dalam ilmu ekonomi di samping faktor-faktor pengeluaran yang lain.

### 2.2 Definisi Tanah.

Di dalam istilah feqah tanah dara yang belum diterokai oleh sesiapa disebut sebagai al-aradi al-mawat (الارادي الموات) atau bererti "tanah terbiar" ataupun "tanah menganggur". Pengertian tanah terbiar ini termasuklah tanah-tanah yang tidak bertuan, tanah-tanah yang terpisah dari kawasan yang sudah dibangun, tanah-tanah yang jauh dari taliair dan tanah-tanah yang pernah dibangun kemudian terbiar begitu sahaja sehingga tidak diketahui siapa pemiliknya.

Definisi menurut istilah syara<sup>c</sup> tentang tanah dara ataupun terbiar mengikut pandangan ulama'-ulama' feqah terbahagi kepada dua kumpulan.

Kumpulan yang pertama melihat dari sudut pengambilan manfa<sup>c</sup>t daripada tanah dara ataupun terbiar tanpa melihat dari segi kedudukan tanah tersebut.Kumpulan ini lebih menumpukan tentang peranan tanah sebagai faktor pengeluaran.Berikut adalah pandangan-pandangan Ulama' daripada kumpulan pertama.

a. Sebilangan Ulama' mazhab Imamiyah mendefinisikan tanah dara ataupun terbiar sebagai tanah yang tidak dimanfa<sup>c</sup>takan oleh sesiapa

samada kerana terputus atau jauh daripada punca-punca air.

b. Setengah Ulama' mazhab Hanbali mendefinisikan tanah dara ataupun terbiar sebagai tanah mati.

c. Al Mawardi dari mazhab Syafi'i mendefinisikan sebagai "tiap-tiap tanah yang belum dibangun dan tidak pula berhampiran dengan tanah-tanah yang sudah terbangun".<sup>(3)</sup>

Kumpulan kedua di dalam membuat definisi lebih menumpukan kepada sudut kedudukan geografi tanah. Di antara definisi-definisi yang terkenal adalah seperti berikut.

a. Imam Abu Hanifah mendefinisikan tanah dara ataupun terbiar sebagai "tanah yang pernah dibangun kemudian ditinggal kerana kekeringan air".

b. Abu Yusuf penulis kitab al Kharaj mendefinisikan sebagai "tanah yang dibiarkan oleh tuannya setelah dibangun dan ia terletak jauh dari tanah-tanah yang dibangun".

c. Majallah al Ahkam al Adliyah, artikel 127 mendefinisikan tanah dara ataupun terbiar sebagai "sekeping tanah tidak dimiliki oleh sesiapa, tidak ia digunakan bagi mengembala binatang ternakan dan tidak pula ia diduduki sebagai perkampungan, serta ia terpencil jauh dari kawasan tanah-tanah yang telah dibangun".<sup>(4)</sup>

Dari definisi-definisi yang diutarakan oleh kedua-dua kumpulan Ulama'-Ulama' tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa apa yang dimaksudkan dengan tanah terbiar ataupun dara iaitu tanah-tanah yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- a. belum diterokai dan belum dimiliki oleh sesiapa.
- b. terbiar dalam jangka waktu yang agak lama meskipun sebelumnya pernah dibangun serta ia tidak dimiliki oleh sesiapa.
- c. berjauhan dari kawasan tanah-tanah yang sudah dibangun dan tidak dimiliki oleh sesiapa.

### 2.3 Tanah di dalam al Quran.

Perkataan al Ardhu (الارض) tanah ataupun bumi telah disebut di dalam al Quran lebih daripada empat ratus kali dengan pengertian yang amat luas. Ia termasuklah sumber-sumber galian yang boleh didapati dari bumi dan dasar laut, suasana-suasana geografi seperti angin dan iklim. Ayat-ayat yang ada hubungan dengan pengertian bumi dapat dibahagikan kepada beberapa pengertian.

#### a. Bumi (الارض).

Ayat-ayat yang disertakan di bawah ini menunjukkan dengan jelas bahawa perkataan bumi termasuk di dalam pengertian tanah yang luas. Firman Allah di dalam al Quran:

وَلَمْ يَرِدْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقْرٌ وَمُنْتَاعٌ إِلَّا حِينٌ

Maksudnya;

.... dan bagi kamu ada tempat kediaman di bumi dan kesenangan hidup sampai waktu yang ditentukan. (5)

Firman Allah lagi:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سَبْطَةِ أَيَامٍ

Maksudnya;

Allahlah yang menciptakan  
langit dan bumi dan apa yang  
ada di antara keduanya di-  
dalam enam hari. (6)

Faktor pengeluaran yang paling penting ialah permukaan bumi  
di mana manusia bekerja, mengembara, membina rumah, kilang dan  
sebagainya. Di dalam ayat-ayat tersebut membuktikan bahawa kehidu-  
pan manusia dijamin oleh satu sumber kekayaan iaitu permukaan bumi  
bagi memenuhi keperluan-keperluan hidup manusia yang terus mening-  
kat dalam segala bentuk dan peringkat. Sekiranya permukaan bumi ti-  
idak subur oleh kerana ia sudah beberapa kali digunakan ataupun  
oleh pertukaran cuaca, ayat-ayat tersebut mengajak manusia supaya  
menggunakan daya pemikiran sehingga menghasilkan penemuan-penemuan  
tentang penyakit dan cara mengatasinya. Dengan pememuan-penemuan  
saintifik ini dapatlah tanah yang gersang menjadi subur kembali  
dan boleh digunakan bagi tujuan pertanian, perlombongan, perumahan  
dan sebagainya.

b. Iklim dan Hujan.

Iklim dan hujan juga termasuk di dalam pengertian bumi yang  
luas. Firman Allah:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَا كَمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ سُبُّلٌ فِيهِ  
تَسْجِيْنٌ يَنْتَلِكُهُ النَّرْعُ وَالْيَنْتَوْنُ وَالْخَيْلُ وَالْأَعْنَابُ وَمِنْ  
كُلِّ الْحَرَاثَاتِ إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَةٌ لِقَوْمٍ يَتَفَرَّغُونَ

Maksudnya;

Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuh-tumbuhan yang pada (tempat tumbuhnya) kamu mengembalakan binatang ternakanmu. Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan semua macam buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda kekuasaan Allah bagi kamu yang memikirkan. (7)

Suasana geografi iaitu hujan, iklim dan lain-lain adalah menentukan sesuatu tanaman yang tumbuh di sesebuah negeri. Dengan menyebutkan perkataan air, Allah mengingatkan manusia bahawa semua kekayaan di <sup>c</sup>lam ini adalah kurnian Allah yang tidak terhingga dan ia haruslah dimanfaat sebaik mungkin untuk kehidupan manusia. Sumber-sumber semulajadi ini hendaklah dieksplorasikan dengan cara yang sesuai dan digunakan sebaik-baiknya bagi perkhidmatan manusia tanpa memandang bangsa, kasta, keperluan, warna kulit dan keturunan.

c. Gunung dan Bahan Galian.

Al Quran juga memasukkan perkataan gunung dan bahan galian di dalam pengertian bumi ataupun tanah. Firman Allah:

وَالجِبَالُ اسْسَاحًا، مِتَاعًا لَّهُمْ وَالْأَنْفَاصُ مِنْ

Maksudnya;

Dan gunung-ganang dipancangkan-Nya dengan teguh, dan semua itu untuk keperluan hidup kamu dan untuk binatang-binatang ternakan-mu. (8)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah menjadi gunung-ganang bagi memenuhi keperluan hidup manusia. Gunung-ganang ini hendaklah dieksplorasikan dengan sebaik mungkin selaras dengan kehidupan manusia. Di samping itu, juga Allah menjadikan gunung-ganang dan bahan galian bagi keperluan binatang ternakan manusia itu sendiri.

d. Hutan dan Binatang Ternakan.

Firman Allah:

وَالْأَنْعَامُ خَلَقَ لَكُمْ فِي زَادٍ وَمَنَافِعٍ وَمِنْ رَاتِكُلُونَ  
وَلَكُمْ فِي رَاحِمَ حِلَّتِنِي سِرِحُونَ وَحِلَّتِنِي سِرِحُونَ وَتَحْمِلُونَ  
أَنْقَالَكُمُ الْيَبْلِدَ لَمْ تَكُونُوا بِالْغَيْرِهِ الْأَبْشِقُ الْأَنْفُسَ  
إِنْ سِرِحُوكُمْ لِرَوْفِ رَحِيمٍ وَالْخِيلِ وَالْبَغَالِ وَالْحِيتَلِ تَكِبُوكُهَا وَنِيَّتَهُ  
وَرِخْلَقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Dan Dia telah menciptakan binatang ternakan untuk kamu padanya ada bulu yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat dan sebahagian kamu memakannya. Dan kamu memperolehi pandangan yang indah padanya ketika kamu membawanya kembali ke kandang dan ketika kamu melepaskannya ke tempat pengembalaan. Dan ia memikul beban-bebanmu ke-

suatu negeri yang kamu tidak sanggup sampai kepadanya, melainkan dengan kesukaran yang menyusahkan diri. Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar Maha Pengasih lagi Maha Penyanyang dan Dia telah menciptakan kuda, baqol dan kaldai agar kamu menungganginya dan menjadikannya perhiasan. Dan Allah menciptakan apayang kamu tidak mengetahuinya. (8)

Ayat ini memberikan tumpuan yang khusus kepada binatang-binatang ternakan. Binatang ternakan termasuk di dalam pengertian bumi yang luas. Allah telah menjadikan binatang ternakan dengan berbagai-bagai jenis dan rupa. Semuanya ini menunjukkan kepada kita tanda-tanda kekuasaan Allah yang maha besar. Binatang ternakan ini dapat digunakan bagi memenuhi keperluan kehidupan manusia seperti dagingnya boleh dijadikan bahan makanan, boleh ditunggangi dan boleh digunakan bagi tujuan pertanian. Semuanya ini boleh dimanfaatkan bagi memenuhi citarasa manusia. Firman Allah:

وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَا دَرِكَ فَاسْكُنْهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا  
عَلَى ذَهَابِ بَهْ لِقَادِرُونَ . فَانْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ حَنَّاتٍ مِنْ نَخْلٍ  
وَأَعْنَابٍ لَكُمْ فِيهَا فَوَالْهَ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْمُلُونَ وَشَجَرَةٌ تَحْرُجُ مِنْ  
طَعْرٍ سَيِّنَادٌ تَبْتَدِي بِالدَّهْنِ وَصَبْغَ لَلَّادِكَلِينَ .

Maksudnya;

Dan Kami turunkan air dari langit menurut suatu ukuran lalu Kami jadikan air itu menetap di bumi dan sesungguhnya Kami benar-benar berkuasa menghilangkannya. Lalu dengan air itu, Kami tumbuhkan untuk kamu kebun-kebun kurma dan anggur, di dalam kebun-kebun itu kamu perolehi buah-buahan yang banyak dan sebahagian-

dari buah-buahan itu kamu makan dan pohon kayu yang keluar dari Thursina (pohon zaitun) yang menghasilkan minyak dan pemanakan makanan bagi orang-orang yang memakannya. (9)

Ayat di atas menjelaskan kepada kita tentang kekuasaan Allah menjadikan hutan dengan berbagai-bagai jenis buah-buahan yang beraneka citarasa dan rupabentuk. Hutan juga termasuk di dalam pengertian tanah yang luas. Daripada hutan inilah akan lahir manfaat bagi kehidupan manusia. Manusia yang dikurniakan dengan akal fikiran oleh Allah seharusnya menggunakannya kurniaan Allah ini dengan menghasilkan berbagai-bagai jenis barang umpamanya rotan yang boleh diperolehi di dalam hutan.

### 3.4 Pemilikan Tanah.

#### 3.4.1 Pemilikan tanah sebelum Islam.

Tanah pada pandangan setengah penyelidik adalah kepunyaan Allah semata-mata. Manusia hanyalah berhak sekadar mengambil manfaat dari tanah tersebut. Ini bermakna tanah-tanah yang diduduki oleh manusia, tidak ada hak bagi mereka untuk menguasai dan memilikiinya. Mereka juga tidak berhak ke atas hasil bumi melainkan atas dasar upah bagi seseorang pekerja. <sup>(10)</sup>

Kebanyakan bangsa-bangsa dahulu kala tidak mempunyai hak memiliki tanah secara individu. Pemerintah sebagai "wakil Tuhan" pada anggapan mereka mempunyai kuasa yang mutlak ke atas tanah. Mereka

dianggap sebagai pengganti Tuhan untuk menjalankan urusan tersebut. Rāyat dan pekerja-pekerja tidak mempunyai apa-apa hak kecuali sekadar menjalankan kerja-kerja di atas tanah tersebut. (11)

Kerajaan Mesir semasa pemerintahan Raja al Furānah memiliki setiap inci bumi Mesir yang ada di bawah kekuasaannya. Penduduk Mesir pada zaman tersebut hanyalah memiliki tanah sekadar cukup untuk tempat tinggal sahaja atau sekadar dibenarkan untuk bercucuk-tanam sahaja. Ini adalah disebabkan tanah tersebut adalah milik mutlak Kerajaan ataupun Raja. Dasar kerajaan Mesir pada waktu itu ialah:

"Kamu dan tanah-tanah kamu adalah milik Fir'aun". (12)

Practon seorang ahli undang-undang berbangsa Yahudi dalam kurun keenam Masihi berkata:

"Tidak berhak bagi setiap orang Yahudi itu untuk mendapat hak milik khusus kerana apa-apa yang dihasilkan bukanlah untuk dirinya, tetapi adalah menjadi hak Rajanya". (13)

Di zaman primitif, kebanyakkan harta terutama tanah dimiliki secara bersama antara anggota keluarga atau suku kaum. Tidak terdapat pemilikan secara khusus yang diamalkan di kalangan mereka. Di Yunan pemilikan secara individu hanyalah wujud selepas kurun keenam Masihi. (14)

Walaupun begitu setengah-setengah tempat terutama di kalangan

bangsa-bangsa di sebelah Timur telah wujud pemilikan secara individu beberapa kurun sebelum amalannya di Yunan. (15)

#### 4.2 Pemilikan Tanah dalam Islam.

Setelah kedatangan Islam, bentuk-bentuk pemilikan tanah yang terdapat pada zaman sebelumnya terus dikenalkan dengan beberapa pengubahsuaihan. Tetapi pemilikan-pemilikan melalui jalan kekerasan dan paksaan yang telah menjadi kezaliman zaman sebelumnya telah dihapuskan.

##### (i) Pemilikan Tanah zaman Rasulullah.

Pemilikan tanah di zaman Rasulullah tidak begitu ketara kerana tanah-tanah yang ada pada waktu itu adalah sedikit sekali. Tanah-tanah pertanian tidak begitu banyak didapati di zaman tersebut melainkan sedikit yang terdapat di sekitar Negeri Arab. Tanah-tanah pertanian yang luas seperti di Craq, Syam dan Mesir hanya dibuka pada zaman Khalifah Umar. Walaupun begitu beberapa pendekatan ke atas pemilikan tanah telah dibuat oleh Rasulullah sebagai dasar dan asas kepada masalah tersebut. Antara pendekatan-pendekatan yang pernah dibuat oleh Rasulullah ialah:

##### (a) Pembahagian Tanah di Khaibar.

Setelah Rasulullah berjaya memasuki bumi Khaibar, penduduk-penduduk ditempat tersebut yang beragama Yahudi telah beramai-ramai menyerah diri tanpa sempat berlaku perang. Penyerahan ini termasuklah penyerahan tanah-tanah dan ladang-ladang kurma mereka.

Rasulullah telah membahagikan harta rampasan ini kepada lima bagian. Empat perlima diperuntukkan kepada orang-orang Islam dan satu perlima lagi khusus untuknya. (16)

Namun begitu, Rasulullah membiarkan tanah-tanah tersebut diusahakan oleh pemilik asalnya untuk bercucuk-tanam dengan berapa perjanjian yang dibuat antara kedua belah pihak secara ber-kongsi hasil (musakat). (17) Keadaan ini berterusan sehingga Saidina Umar mengambilnya kembali dari tangan mereka. (18) Pembaha-gian tanah ini merupakan yang pertama dilakukan dalam Islam.

Selepas penghijrahan Rasulullah ke Madinah dan menjadikannya sebagai pusat pemerintahan Islam, masalah pertama yang Baginda hadapi ialah bagaimakah menyediakan satu sumber kemasukan yang boleh menampung kehidupan kalangan Muhajirin yang telah berhijrah bersamanya dan terpaksa meninggalkan semua harta mereka di Mekah. Sebagai langkah sementara Baginda telah mempersaudarakan kalangan Muhajirin dengan setengah kaum Ansar.

Setelah perkembangan dia wah Islam mula pesat tersebar dan pembukaan kawasan-kawasan baru pun mula berlaku, maka peluang untuk menyediakan satu sumber kemasukan untuk kehidupan kaum Muhajirin mula terserlah sama. Ini berlaku apabila pembukaan negeri yang pertama berjaya dibuat oleh tentera Islam iaitu dengan penaklukan ke atas Bani Nadir. Tanah-tanah yang dirampas di dalam peperangan ini telah dibahagikan kepada kaum Muhajirin untuk menampung-

kehidupan mereka. Tanah-tanah ini tidak dibahagikan kepada kaum Ansar melainkan kepada Sahl bin Curaip dan Abdul Rahman bin Cuf. (19) Kemudianya peristiwa yang sama berlaku pabila tentera Islam berjaya mengalahkan Bani Quraizah di dalam peperangan Khandak pada tahun ke tujuh hijrah. (20)

Selain daripada pembahagian tersebut, Rasulullah juga banyak memberi tanah-tanah secara khusus kepada setengah-setengah sahabat seperti Bilal bin al Muzni di lembah al Crik, al Zubir bin al Aumn di Khaibar dan Hamzah bin al Nua'man di Wadi al Kura. (21)

(ii) Pemilikan Tanah zaman Saidina Umar.

Pembukaan negeri-negeri begitu pesat sekali berlaku di zaman pemerintahan Saidina Umar. Bermula dari pembukaan negeri Craq di sebelah timur, negeri-negeri Syam, Mesir di sebelah barat dan termasuk beberapa negeri di Afrika Tengah.

Penaklukan negeri-negeri yang terkenal dengan kesuburan dan kemajuan pertaniannya itu telah menimbulkan satu suasana baru ke atas pemilikan tanah. Setengah dari para sahabat dengan lantangnya meminta supaya tanah-tanah ini dibahagikan sebagaimana yang telah dibuat oleh Rasulullah sebelumnya. Mereka mendakwa tanah-tanah yang ada ini adalah menjadi hak kepada tentera-tentera yang berjuang. Saidina Umar sebagai Khalifah pada waktu itu mempunyai cara yang tersendiri di dalam mengagihkan kekayaan yang baru diperolehinya walaupun terdapat desakan dari setengah sahabat. Antara penyelesaian

yang telah diambil oleh Saidina Umar ialah:

(a) Penyelesaian Tanah di <sup>c</sup>raq.

Setelah tentera Islam berjaya memasuki bumi <sup>c</sup>raq dan menawannya, para sahabat telah berselisih pendapat tentang tanah tersebut. Bilal bin Rabah, Abdul Rahman bin <sup>c</sup>uf serta beberapa orang sahabat yang sependapat dengan mereka berdua meminta supaya tanah-tanah tersebut dibahagikan seperti mana yang telah dilakukan oleh Rasulullah sebelumnya. Manakala Saidina Umar berpendapat tanah tersebut perlu dijadikan sebagai suatu harta yang boleh memberi sumber kepada Baitul Mal kerana dengan ini harta tersebut bukan sahaja boleh dimanfaatkan kepada tentera yang turut berjuang tetapi termasuk juga generasi-generasi yang akan datang. Sebagai hujahnya Saidina Umar telah membaca firman Allah yang berbunyi:

وَالَّذِينَ جَاءُوكُمْ بَعْدَ حُرُمَتِ الْمَسْجِدِ اَعْفُنَا عَنْهُ لَنَا وَلِإِخْرَاجِنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَلَا يَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غُلَامًا  
لِلَّذِينَ أَمْنَوْا بِنَا إِنَّكُمْ رَءُوفُ رَحِيمٌ .

Maksudnya;

Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa: Ya tuhan Kami, beri ampunlah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami, dan janganlah engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman Ya Tuhan kami sesungguhnya engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang. (22)

Perselisihan ini membawa kepada perbahasan hangat di kalangan

para sahabat.Bilal dan mereka yang sependapat dengannya tetap mendesak supaya tanah-tanah tersebut dibahagikan kepada tentera-tentera yang telah turun berjuang manakala Saidina Umar hanya mempertahankan pandangannya dengan menyatakan " ini pendapat aku".(23) Penentangan dari Bilal ini sangat-sangat dirasakan oleh Saidina Umar.

Akhirnya satu keputusan telah diambil dengan mewakafkan tanah tersebut dan diserahkan kepada pemilik asalnya untuk diusahakan dan diambil al Kharaj darinya dan al Jizyah dari penduduknya.(24)

Saidina Umar telah melantik Hudhaifah bin Al Yaman untuk mengukur tanah-tanah pertanian di sekitar Dajlah bagi menentukan kadar cukai yang perlu diambil dari mereka.Manakala Othman bin Aurāt ditugaskan untuk mengukur tanah-tanah selain darinya.(25)

(b) Penyelesaian ke atas Tanah di Syam dan Mesir.

Tindakan yang sama juga telah dibuat oleh Saidina Umar ke atas tanah di Syam yang telah dibuka oleh Abu <sup>C</sup>baidah bin Al Jarrah dan juga tanah di Mesir yang telah dibuka oleh Amru bin Al Aṣs walaupun terdapat desakan supaya tanah-tanah tersebut dibahagikan seperti harta rampasan perang.(26)

Selain daripada penyelesaian-penyelesaian ini, Saidina Umar juga telah mengambil beberapa langkah bagi mengemaskinikan program al Iqta<sup>C</sup> (القطاع) dan al Mawat (المواط) yang telah dilaksanakan

oleh Rasulullah dan Saidina Abu Bakar al Siddiq.

Bagi memperkemaskan al Iqta<sup>c</sup> yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah sebelumnya, beliau telah meletakkan beberapa syarat yang mesti dipatuhi oleh pemiliknya. Antara syarat-syarat tersebut ialah:

- (i) Tanah-tanah tersebut mestilah diusahakan, sekiranya gagal kerajaan berhak menarik balik tanah tersebut.
- (ii) Tanah-tanah tersebut tidak mendatangkan mudharat kepada orang Islam.
- iii) Tanah yang diberikan itu mestilah bukan dari tanah al-Kharajiah. (27)

Saidina Umar telah meminta Bilal supaya menyerah balik tanah yang tidak diusahakannya kepada beliau kerana Bilal sudah tidak mampu untuk mengusahakan tanah yang sebegini luas yang telah dibерikan oleh Rasulullah kepadanya. (28)

Saidina Umar juga mengetatkan lagi syarat-syarat ke atas se-siapa yang membuka tanah baru tetapi tidak mengusahakannya. Untuk mendapat hak milik dari tanah al Mawat pada pandangan Saidina Umar bukanlah hanya dengan memagarinya sahaja, tetapi ia mestilah di-usahakan. (29)

### 3.5 Sebab-sebab Pemilikan Tanah.

Terdapat enam sebab yang diharuskan oleh Syara<sup>c</sup> yang mem-

bolehkan seseorang individu menjadikan tanah sebagai hak miliknya yang tidak boleh diganggu. Sebab-sebab berikut:

- (i) Membuka tanah baru (أحياء الموات).
- (ii) Iqta<sup>C</sup> (الإقطاع).
- (iii) Jual beli.
- (iv) Hibbah (30) (هبة).
- (v) Pusaka.
- (vi) Penguasan ke atas musuh.

(i) Membuka tanah baru.

Tanah-tanah baru yang masih belum diterokai dan tidak dimiliki oleh sesiapa pada asalnya adalah menjadi hak milik Allah yang mutlak. Tetapi tanah-tanah ini telah diberi kuasa kepada manusia untuk mengusahakannya dan meletakkan di bawah penguasaan mereka.

Rasulullah juga banyak memberi galakan kepada sahabat-sahabatnya supaya membuka tanah-tanah baru dengan memberi hak milik tersebut kepada mereka. Di samping itu Rasulullah telah meletakkan beberapa kaedah yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan hak milik tanah tersebut. (31)

(ii) Iqta<sup>C</sup>.

Iqta<sup>C</sup> atau tanah-tanah yang dibahagikan oleh kerajaan kepada rakyatnya merupakan salah satu sebab ke arah pemilikan khusus secara individu. Untuk mendapat hak milik tanah melalui cara ini, beberapa syarat utama perlulah dipenuhi dahulu. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Tanah-tanah yang telah diberikan mestilah diusahakan. Sekiranya dalam tempoh tiga tahun tanah tersebut masih tidak diusahakan, maka hak miliknya dianggap terbatal dengan sendirinya. (32)
2. Tanah-tanah tersebut mestilah diusahakan dengan jalan yang betul.
3. Tanah-tanah tersebut tidak berada dalam milik orang lain. Sekiranya tanah tersebut sudah berada dalam milik orang lain, maka kerajaan sekali-sekali tidak berhak merampasnya semata-mata untuk di-berikan kepada orang lain. (33)
4. Tanah-tanah tersebut mestilah diberikan kepada mereka yang telah memberi apa-apa khidmat atau bakti kepada masyarakat. (34)

(iii) Jual Beli.

Proses jual beli juga merupakan satu cara yang boleh membuatkan seseorang menjadikan barang yang dibeli olehnya menjadi milik mutlaknya. Pemilikan tanah melalui jual beli adalah sama dengan pemilikan barang-barang lain melalui proses demikian. Walaupun begitu beberapa syarat perlu diambil kira sebelum berlakunya pindahan hak milik tanah melalui proses jual beli. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Tanah tersebut hendaklah merupakan tanah yang boleh dimanfaatkan.
2. Tanah tersebut merupakan hak milik yang sah kepada penjual atau wakilnya waktu dijual.
3. Tanah tersebut hendaklah yang boleh diserahkan kepada pembeli seperti tidak berada di dalam kekuasaan orang yang zalim.
4. Tanah tersebut hendaklah diketahui oleh pembelinya samada melalui melihat atau menyatakan sifatnya.

-71-

Sekiranya syarat-syarat tersebut dipenuhi, maka sahlah pindahan hak milik dan menjadi milik mutlak si pembeli. (35)

(iv) Hibbah.

Hibbah adalah suatu yang sangat digalakkan oleh Islam. Ia berbeza dengan sedeqah kerana sedeqah merupakan pemberian dari yang berada kepada yang kurang berada atau lebih rendah kedudukannya. Manakala hibbah boleh berlaku dari pihak yang atasan kepada pihak yang lebih rendah atau sebaliknya.

Hibbah ke atas tanah merupakan antara jalan-jalan yang dikenakan oleh syara<sup>c</sup> untuk menjadikannya sebagai satu hak milik individu setelah dipenuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya. (36)

(v) Pusaka.

Pemilikan melalui pusaka adalah suatu yang telah dijamin di dalam Islam. Nas-nas dari al Quran dan al Hadis dengan jelas menyatakan hal tersebut. Tanah sebagai satu harta di dalam Islam adalah sama dengan lain-lain harta yang terlibat dalam pembahagian secara pusaka kepada mana-mana waris yang berhak mewarisi harta peninggalan si mati.

(vi) Penguasaan ke atas Tanah musuh.

Tanah-tanah yang dirampas dari tangan musuh Islam samada melalui perang, perjanjian damai ataupun yang ditinggalkan oleh musuh (al-Fai') adalah menjadi hak orang Islam. Ini nyata dijelaskan

di dalam al Quran dan apa yang berlaku di zaman Rasulullah dan juga Khalifah-Khalifah selepasnya seperti penguasaan ke atas tanah Khaibar, <sup>c</sup>raq, Syam dan Mesir.

### 3.6 Syarat-syarat Penerokaan Tanah.

Sekiranya seseorang individu diberi peluang oleh kerajaan untuk menerokai sebidang tanah yang terbiar, ini bukanlah bererti ia sudah memiliki sepenuhnya tanah yang diterokainya itu. Ulama-Ulama' feqah menyatakan bahawa usaha penerokaan itu hanya merupakan satu proses ke arah pemilikan tanah. Proses pemilikan tanah melalui sistem teroka mengikut mereka mengandungi tiga peringkat:

- (i) penentuan upah dan ukuran.
- (ii) kerja-kerja penerokaan.
- (iii) penanaman dan penghasilan. <sup>(37)</sup>

Apabila seseorang peneroka telah berjaya melalui ketiga-tiga peringkat tersebut maka ia berhak memohon untuk memiliki tanah yang diterokainya. Samada ia berjaya atau tidak untuk memiliki tanah tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara pihak kerajaan.

Para fuqaha' juga telah meletakkan beberapa syarat sebelum seseorang itu boleh memulakan usahanya menerokai tanah-tanah baru.

Antara syarat-syarat tersebut ialah:

1. Tanah tersebut mestilah tidak dimiliki oleh sesiapapun sebelumnya samada oleh orang-orang Islam ataupun kafir dzimmi. <sup>(38)</sup>

- 75-
2. Orang yang membuka tanah tersebut mestilah yang berkelayakan seperti mampu untuk mengerjakannya. (39)
  3. Tanah tersebut hendaklah tidak termasuk di dalam kawasan bandar. Sekiranya tanah tersebut berada di kawasan bandar maka ia tidak dianggap al Mawat walaupun belum diterokai. (40)
  4. Kebenaran dari pemerintah.

Untuk syarat yang keempat, para fuqaha' telah berselisih pendapat tentangnya. Abu Hanifah berpendapat kebenaran dari pemerintah adalah menjadi satu syarat utama. Imam Ahmad, Al Shafe<sup>c</sup>e, Abu Yusuf, Mohammad bin Al Hasan dan lain-lain lagi pula berpendapat kebenaran dari pemerintah bukan merupakan satu syarat.

Manakala Imam Malik pula berpendapat kebenaran dari pemerintah hanya disyaratkan kepada tanah yang dekat dengan kawasan bandar, adapun tanah yang terletak jauh dari bandar tidak tertakluk dengan syarat ini. (41)

Pendapat yang paling rajih dari pendapat-pendapat diatas ialah pendapat yang mensyaratkan kebenaran dari pemerintah dipraktikkan sebelum usaha dan kerja-kerja membuka tanah dimulakan. Ini adalah memandangkan kebiasaan manusia bersifat zalim dan gelojoh, maka apabila mereka menyedari perlunya keizinan dari pemerintah, mereka akan berhati-hati dan tidak terlalu tamak. Dengan ini boleh mengelak daripada berlakunya monopolii setengah-setengah pihak ke atas penguasaan tanah. Oleh itu syarat kebenaran dari pemerintah merupakan satu maslahah. (42)

Membuka tanah baru hanya dianggap telah berjaya apabila beberapa kerja tertentu telah dimulakan.Tanpa kerja-kerja ini mereka masih lagi tidak boleh dianggap sebagai pemilik yang sah kepada tanah-tanah tersebut.Memandangkan Rasulullah tidak menjelaskan bentuk kerja yang perlu disempurnakan sebelum seseorang itu boleh memiliki tanah melalui "ihya al mawat", maka urusan ini dipulangkan kepada adat setempat untuk menentukannya. (43)

Sebagai contoh tanah-tanah yang dibuka untuk tujuan pertanian tidak akan dianggap menjadi hak miliknya melainkan kerja-kerja berikut telah disempurnakan oleh peneroka tersebut.Kerja-kerja itu ialah:

- (i) Tanah tersebut telah dicangkul atau kerja-kerja yang sempurna dengannya.
- (ii) Sekiranya tanah tersebut merupakan tanah yang kering, maka kerja-kerja mengalirkan air ke dalamnya telah dimulakan.
- (iii) Telah bercucuk-tanam di atasnya. (44)

### 3.7 Pentadbiran Tanah.

Sehingga hari ini belum ada kajian khusus mengenai sistem pentadbiran tanah di negara ini dalam aspek sejauh mana perlaksanaannya sesuai atau selaras dengan agama Islam.Belum ada Ulama atau Fuqaha tempatan yang melihat dan mencuba membuat penyelidikan dalam perkara ini.Cuma yang sering sampai ketelinga kita hanya berupa cemuhan dari sebilangan kecil tertentu bahawa undang-undang tanah kita adalah sistem barat.Masalahnya sekarang apakah sistem

itu bercanggah dan tidak selaras dengan Islam?

Berikut akan diuraikan secara umum tentang sistem pentadisiran atau bentuk perlaksanaan biasa yang diamalkan sekarang ini ian memberi beberapa pandangan dasar tentang perlaksanaannya, sa-  
ra dia selaras ataupun sesuai dengan konsep syari'at Islam.

### 3.7.1 Tanah.

Tanah adalah merupakan sumber kurniaan Allah yang terpenting dan tidak ternilai. Hampir segala yang ada berpunca dari tanah. Jasad manusia dijadikan dari tanah dan akan kembali kepada tanah. Bahan-bahan makanan dan semua jenis hidupan di bumi ini datangnya dari pada tanah. Pembangunan sesuatu negara adalah berteraskan kepada tanah dan segala bentuk pembangunan fizikal akan dapat dijalankan kiranya ada tanah. Apa yang dikatakan negara itu pun adalah kerana adanya kawasan atau sempadan yang dilingkungi oleh tanah.

Memandangkan betapa pentingnya unsur tanah ini di dalam kehidupan dan tamaddun manusia maka Kanun Tanah Negara (KTN) merangkumkan istilah tanah kepada perkara-perkara berikut:

- i. Mukabumi dan semua benda-benda yang menjadikan mukabumi itu.
- ii. Tanah bumi di bawah mukabumi dan semua benda-benda yang terkandung di dalamnya.

iii. Semua tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, sa-

nia wajarluakan penggunaan tenaga berkala terhadap pengeluarannya atau tidak dan samada di atas atau di bawah mukabumi itu.

Berdasarkan kepada fakta-fakta di atas pentadbiran tanah adalah merupakan satu pentadbiran yang luas bidangnya dan keputusannya mengenainya sudah tentu terpaksa mengambil kira semua faktor termasuk persekitaran semasa, bidang-bidang politik dan sosio ekonomi sebuah masyarakat.

#### 1.7.3 Organisasi Pentadbiran Tanah.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah adalah kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan soal yang berhubung dengan tanah sebagaimana yang ditentukan oleh penentuan tugas-tugas Menteri. Menteri di dalam menjalankan tugasnya akan dibantu oleh Majlis Tanah Negara. Mengikut kehendak perkara 91(1) Perlembagaan Malaysia keanggotaan Majlis Tanah Negara ialah, seorang Menteri sebagai pengurus, seorang wakil dari tiap-tiap satu negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri, beberapa orang wakil bagi kerajaan Persekutuan yang bilangannya tidak lebih daripada sepuluh orang yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Keahlian Majlis Tanah Negara hari ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sebagai pengurus, Menteri-Menteri Besar dan Ketua Negeri sebagai ahli dan sepuluh orang yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan terdiri dari Menteri Pertanian, Menteri Keawangan, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Perdagangan dan Perindustrian,

Kerja Raya dan lain-lain.

Majlis ini bertanggungjawab dalam bidang tugasnya antara lain membentuk dasar negara mengenai penggunaan tanah samada bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud yang lain, menyediakan nasihat untuk Kerajaan Persekutuan atau Negeri setelah berunding dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan sebaliknya.

Jabatan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dan mengawas pengawasan di atas dasar-dasar yang diputuskan ialah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Bidang tugasnya antara lain ialah berunding dengan mana-mana Pengarah Tanah Galian negeri-negeri, meminta Pengarah Tanah Galian negeri-negeri melaporkan dan mengemukakan penyata-penyata dan lain-lain maklumat mengenai pembebasan milik tanah, mengadakan persidangan Pengarah Tanah Galian, menjawat Pejabat-pejabat Tanah, menguruskan harta-harta Kerajaan Persekutuan dan sebagainya.

Di peringkat negeri-negeri pula, kuasa tertinggi dalam pentadbiran tanah terletak kepada pihak berkuasa negeri (Majlis Mesyuarat Negeri). Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah pengurus yang bertanggungjawab diperingkat negeri. Jabatan ini akan menentukan polisi-polisi kerajaan negeri dilaksanakan. Ia juga mengawasi Pentadbir-Pentadbir Tanah diperingkat daerah.

Diperingkat daerah, tanah ditadbirkan melalui Pejabat-Pejabat

Tanah yang diketuai oleh Pemungut Hasil Tanah. Ianya bertanggungjawab terus kepada Pengarah Tanah dan Galian diperingkat negeri.

#### 2.7.3 Pentadbiran Tanah di Semenanjung Tanah Melayu.

Perlembagaan Malaysia telah menguntukkan bahawa kuasa mengenai tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadual ke sembilan Perlembagaan telah memasukkan tanah di dalam senarai negeri.

Walau bagaimanapun Parlimen di beri kuasa untuk membuat undang-undang tanah untuk dilaksanakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Perkara 76 (4) telah memperuntukkan seperti berikut:

"Parlimen boleh, bagi maksud hanya menentukan persamaan undang-undang dan dasar, membuat undang-undang pemegang tanah, perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa, pendaftaran hak milik dan surat ikatan berhubung dengan tanah, pindah milik tanah, gadai janji, pajakan dan gadaian mengenai tanah, simen dan lain-lain hak dan kepentingan mengenai tanah, mengambil tanah, mengenai kadar dan penilaian tanah".

Kerajaan-kerajaan negeri selain daripada Sabah dan Sarawak tidak boleh membuat undang-undang persendirian mengenai tanah. Keadaan kerajaan negeri hanya boleh meluluskan atau membuat peraturan kaedah-kaedah tanah di negeri masing-masing untuk menetapkan cara-cara perlaksanaannya. Kerajaan-kerajaan negeri boleh meluluskan semua atau sebahagian undang-undang tanah yang telah diluluskan oleh Parlimen, tetapi tidak boleh meluluskan undang-undang kan oleh Parlimen, tetapi tidak boleh meluluskan undang-undang

yang tidak diluluskan oleh Parlimen. Kerajaan-kerajaan negeri diberi peruntukan yang membolehkan mereka menentukan cara-cara perlaksanaan seperti dalam perkara-perkara penentuan kadar cukai, bayaran-bayaran pejabat, bayaran kadar premium dan sebagainya.

Seksyen 14 (1) Kanun Tanah Negara telah membuat peruntukan seperti berikut:

" Tertakluk kepada seksyen kecil (2), Pihak berkuasa Negeri bolehlah membuat kaedah-kaedah amnya untuk menjalankan tujuan dan maksud Akta ini di dalam negeri itu dan kawasannya, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna peruntukkan terdahulu".

Kanun Tanah Negara adalah merupakan undang-undang asas dalam pengurusan dan pentadbiran tanah. Di antara perkara-perkara penting yang disentuh di dalam undang-undang ini adalah soal-soal pentadbiran, penjenisan tanah, perlupusan, cukai tanah, syarat-syarat dan sekatan ke atas tanah yang diberi hak milik, rampasan tanah kerana melanggar syarat atau tidak bayar cukai, hak milik dan urusan niaga.

Walaupun kuasanya luas, tetapi Kanun Tanah Negara tidak dapat menyentuh beberapa perkara undang-undang seperti yang disebutkan di dalam seksyen 4 Kanun Tanah Negara kerana perkara-perkara ini mempunyai undang-undang tersendiri iaitu:

- a. Perkara mengenai Tanah Pemegangan Adat.
- b. Perkara mengenai Tanah Rezab Melayu.
- c. Perkara mengenai Tanah perlombongan.

- j. Perkara mengenai Tanah Kesultanan.
- a. Perkara mengenai Tanah Wakaf dan Baitul Mal.
- f. Terangganu Settlement Enactment 1356.
- g. Padi Culvicators ( Control of rent and Secutity of tenance )  
act. 1967.
- h. Kelantan Land Settlement Ordinance 1955.
- i. Land ( Group Settlement Areas ) act. 1960.
- j. Mana-mana undang-undang mengenai pengecualian daripada pem-  
bayaran hasil tanah.

#### 3.7.4 Isu-Isu Agama Di Dalam Perlaksanaan Undang-undang Tanah.

Memang diakui bahawa undang-undang tanah yang ada adalah berlandaskan kepada pengalaman yang dialami oleh sistem barat. Walaupun begitu amat sulit untuk diperhatikan perkara-perkara yang dikatakan bertentangan dengan Islam berdasarkan kepada prinsip-prinsip umum syariah yang menolak kemudharatan dan kesusahan dan mencegah perkara-perkara yang boleh membawa kepada kerugian.

Walau bagaimanapun timbul beberapa isu agama yang menjadi persoalan dan pertentangan di kalangan beberapa pihak. Antara isu-isu berkenaan ialah apabila seseorang peneroka di rancangan pembangunan tanah secara berkelompok seperti Felda meninggal dunia, maka menurut Akta Tanah " Kumpulan Penempatan Berkelompok ", Group Settlement Areas 1960, seksyen 15 dan 16 bahawa tanah itu tidak boleh dipecahkan secara fizikal dan hanya seorang sahaja dari waris-waris si mati yang boleh dilantik sebagai pengganti.

Balu si mati yang bersama-sama masuk ke rancangan dengan si mati akan diberikan keutamaan untuk dilantik sebagai pengganti kerana tanah yang telah diperuntukkan kepada si mati adalah harta sejenarian. Sekiranya balu si mati didapati telah meninggal dunia atau pun tidak berupaya untuk mengusahakan tanah yang telah diperuntukkan itu maka salah seorang dari anak si mati yang berumur lebih lapan belas tahun dilantik sebagai pengganti. Perlantikan pengganti kepada si mati hanya dibuat dengan persetujuan oleh semua waris yang berkenaan.

Sekiranya tiada persetujuan di antara waris-waris ertinya waris-waris tidak sepakat untuk melantik seorang pengganti kepada si mati maka Pentadbir Tanah boleh menjual tanah tersebut kepada orang-orang yang sanggup membelinya dan layak untuk menjadi Peneroka. Wang dari penjualan akan dibahagikan kepada waris-waris yang layak setelah ditolak semua hutang-hutang si mati kepada Felda.

Sekiranya terdapat kata sepakat daripada waris-waris untuk melantik seorang pengganti tetapi pengganti tersebut tidak berkecimpungan untuk membayar bahagian waris-waris yang lain, maka Pentadbir Tanah akan campurtangan di dalam perkara ini bagi menyelsaikan hak-hak waris. Felda juga akan mengaturkan supaya waris-waris dapat menerima bahagian mereka mengikut nilai yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah berdasarkan kepada hukum Fara' id bagi pemeroka yang beragama Islam dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 bagi peneroka yang bukan beragama Islam.

Pentadbir Tanah akan membuat penilaian hak yang boleh dibahagikan kepada waris-waris berdasarkan kepada tempoh peneroka berada di-rancangan, jumlah bayaran kembali yang boleh dijelaskan dengan mengambil kira harga pasaran harta berkenaan.

Antara isu yang timbul di sini ialah tanah rancangan yang berkenaan tidak boleh dipecahkan secara fizikal untuk dibahagikan kepada waris-waris yang berhak sebagaimana lazim dibuat kepada tanah-tanah jenis lain. Pembahagian yang lazim ini tidak dibuat ialah menurut pandangan ahli ekonomi kerana ia tidak mendatangkan pelangan hasil yang ekonomi lagi dan menyusahkan dari segi pentadbiran. Jika tanah-tanah ladang pertanian seperti ini dipecah-pecahkan secara fizikal maka sudah tentu dalam masa yang singkat tanah-tanah itu akan menjadi tanah terbiar pula. Demi kepentingan rakyat dan orang ramai kerajaan tidak mengizinkan tanah-tanah tersebut jadi terbiar, lebih-lebih lagi sekarang ini kurang lebih 137 000 hektar tanah di Semenanjung Tanah Melayu sudah dikenal pasti sebagai tanah terbiar.

Kita harus faham wujudnya hukum syara<sup>c</sup> adalah untuk kebaikan manusia dan segala hukum itu tidak disyari<sup>c</sup> aatkan melainkan untuk kebaikan manusia. Ternyata bahawa pembahagian tanah pertanian berbentuk ladang yang kecil saiznya di bawah 10 ekar itu tidak ekonomik dan tidak memberi kebaikan kepada pemiliknya, maka pembahagian yang dikehendaki oleh syara<sup>c</sup> itu menurut ijtihad Pentadbir Tanah ditentukan dengan nilai harga.

Mungkin ada yang menimbulkan tentang isu wujudnya undang-undang Islam dan undang-undang bagi mereka yang tidak beragama Islam secara berasingan sehingga hal-hal berhubung dengan umat Islam terpaksa Kerajaan mengaktakan undang-undang yang berasingan.

Wujudnya pengasingan ini tidak bercanggah dengan konsep Islam. Sheikh Abdul Fattah Tabbarah di dalam kitabnya Ruhuddin Al-Islami mukasurat 311, ketika menjelaskan tentang pembukaan negara baru oleh orang Islam di mana mereka menemui berbagai bangsa yang mempunyai berbagai agama, kepercayaan dan kebudayaan. Beliau telah menyatakan bahawa kerajaan Islam telah mengatur urusan kaum-kaum ini (yang belum beragama Islam) mengikut undang-undang mereka. Beliau juga telah menegaskan bahawa Islam di zaman-zaman keemasannya telah mengambil peraturan asing sebagai undang-undang. Bahkan di waktu seumpama inilah Ulama'-Ulama' dan Fuqaha secara terus menerus berijtihad dan beristinbat di dalam menghadapi masalah-masalah baru. Di dalam berijtihad itu Ulama'-Ulama' telah mengambil undang-undang dan peraturan yang ada di negeri berkenaan. Mana-mana yang selaras dengan konsep Islam dijadikan undang-undang Islam dan yang bercanggah dengan Islam diubahsuai sehingga selaras dengan Islam.

SENARAI NOTA KAKI.

- 1 Surah al Baqarah, ayat 11.
- 2 Surah al Baqarah, ayat 60.
- 3 Mahmud al Muzaffar, Ihya al Aradi al Mawat, Kaherah, Dar al Khutub, 1972 m.s 76-77.
- 4 Ibid. m.s 78.
- 5 Surah al Baqarah, ayat 36.
- 6 Surah al Sajdah, ayat 4.
- 7 Surah al Nahl, ayat 10-11.
- 8 Surah al Nazi'at, ayat 32-33.
- 9 Surah al Nahl, ayat 5-8.
- 10 Surah al Mu'minun, ayat 18-20.
- 11 Mahmud al Muzaffar, op. cit. m.s 28.
- 12 Ibid. m.s 29.
- 13 Ibid.
- 14 Muhammad Abd. al Jawad (Dr.), Milkiah al Aradi fi al Islam, Kaherah: Dar al Khutub, 1972, m.s 31.
- 15 Ibid. m.s 177.
- 16 Abu al Hassan al Mawardi, Al Ahkam al Sultaniah wa al Wilayah al Diniyah, Mesir: Matbaah al Halabi, 1960, m.s 126-128.
- 17 Abu Aubaid al Kassim Ibn. Salam, Kitab al Amwal, cetakan kedua Kaherah: Dar al Fikr, 1975, m.s 72.
- 18 Ibid. m.s 50-51.
- 19 Mahmud al Muzaffar, op. cit. m.s 304.

- 20 Ibid.
- 21 Ibid. m.s 307-308.
- 22 Surah al Hasyr, ayat 10.
- 23 Muhammad Abd. al Jawad Muhammad (Dr.), op. cit. m.s 55.
- 24 Muhammad bin Ibrahim al Banna, Kitab al Kharaj li Abi Yusuf, Mesir: Dar al Nasr, 1981, m.s 35.
- 25 Ibid. m.s 37.
- 26 Muhammad Abd. al Jawad Muhammad (Dr.), op. cit. m.s 59-60.
- 27 Ibid. m.s 67.
- 28 Ibid. m.s 49.
- 29 Ibid. m.s 68.
- 30 Satu pemberian yang diberi tanpa apa-apa pertukaran.
- 31 Mahmud al Muzaffar, op. cit. m.s 42.
- 32 Abu al Aala al Maududi, Mas'alah Milkiah al Ardi fi al Islam, cetakan kedua, Kuwait: Dar al Islam, 1969, m.s 42.
- 33 Ibid.
- 34 Ibid.
- 35 Mohd. Ali al Samih, Milkiah al Ardi fi al Syariah al Islamiyah, Riyadh: Tanpa pencetak, 1983, m.s 95.
- 36 Ibid. m.s 100.
- 37 Mahmud al Muzaffar, op. cit. m.s 100.
- 38 Mohd. Ali al Samih, op. cit. m.s 118.
- 39 Ibid.
- 40 Badran Abu Al Hinain, Al Syariah al Islamiyah, Kaherah: Dar Al Najah, 1972, m.s 322.

- 41 Mohd. Ali al Samih, op. cit. m.s 119-120.
- 42 Muhammad al Abd. al Rahman (Dr.), Nazariah al Tamalluk fi al Islam, cetakan kedua, Kaherah: Maktabah Kuliah al Azhariah, 1983, m.s 36.
- 43 Abu al Hassan al Mawardi, op. cit. m.s 187.
- 44 Ibid.

